

05/09/1997

Langkah bendung manipulasi ditarik

Kamal Ahmad; Radzi Wahab

KERAJAAN menarik balik langkah membendung aktiviti manipulasi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berkuat kuasa hari ini, selepas berpuas hati dengan keberkesanan pencegahannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan penarikan balik langkah itu, berkata 100 kaunter saham berkaitan indeks yang meliputi Indeks Komposit BSKL tidak lagi akan disenaraikan sebagai 'kaunter ditanda'.

"Kerajaan berpendapat usaha menghentikan aktiviti manipulasi itu tercapai apabila manipulator tidak lagi menjalankan kegiatan itu di pasaran," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Tertinggi (MT) Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam semalam.

Minggu lalu, kerajaan memperkenalkan beberapa langkah untuk menyekat kegiatan manipulasi, jualan singkat dan pinjaman skrip oleh bank terhadap saham diniagakan.

Melalui komponen Indeks Komposit diisytiharkan sebagai kaunter ditanda, bermakna hanya mereka yang benar-benar mempunyai saham dalam akaun Sistem Depositori Pusat dibenarkan menjual saham mereka.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, mereka yang ingin menjalankan kegiatan menjual beli saham di BSKL masih tetap dikehendaki mengikut prosedur biasa, iaitu melalui broker.

"Tetapi, yang kita hendak tentukan ialah mereka yang menjual mesti mempunyai saham dan mereka yang hendak membeli, mesti mempunyai wang.

"Tiada lagi cara lama apabila bank akan memberi pinjaman atau jaminan," katanya sambil menekankan keputusan kerajaan itu dibuat selepas pertemuan dengan beberapa pihak, termasuk swasta yang kerap berurusan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan.

Mengenai penurunan pasaran saham walaupun manipulasi terkawal, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa apabila arah aliran itu dipengaruhi oleh sentimen.

Bagaimanapun, beliau berkata, tiga pengurus dana asing juga bersedia membantu untuk meningkatkan pasaran saham tempatan.

Anwar yang turut berada pada sidang akhbar itu berkata, kerajaan tidak menyangka memperolehi kejayaan dalam jangka singkat melalui usaha mengawal manipulasi dalam soal pembelian saham ini.

Lantaran itu, beliau berkata, Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL akan menjalankan kerja penelitian dan pengawasan supaya tidak lagi berlaku kegiatan manipulasi seperti sebelum ini.

Sementara itu, Anwar berkata, Jemaah Menteri dalam mesyuarat minggunya semalam juga bersetuju untuk membincangkan beberapa langkah tambahan dengan Perdana Menteri bagi mengawal defisit akaun semasa untuk tempoh tiga tahun, bermula tahun ini.

Menurutnya, kerajaan sudah mengambil beberapa keputusan untuk mengurangkan import barangan mewah dan memperkenalkan kaedah percukaian tertentu, manakala yang lain akan diumumkan dalam Belanjawan 1998 Oktober ini.

(END)